

06 OCT 1998

Mahathir-Penerangan

SESI PENERANGAN ISU PEMECATAN ANWAR DIBUAT SECARA TERTUTUP

KUCHING, 6 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata UMNO akan mengadakan penerangan secara tertutup mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim ekoran larangan mahkamah agar orang ramai tidak membuat kenyataan berhubung tuduhan rasuah dan meliwat yang dihadapi oleh bekas timbalan perdana menteri itu.

Beliau berkata walaupun Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam telah mengeluarkan arahan melarang orang ramai membuat sebarang kenyataan berhubung 10 tuduhan yang dihadapi oleh Anwar, majlis penerangan mengenainya boleh diadakan secara tertutup.

"Kita tidak boleh membuat public statement tetapi kita boleh membuatnya secara tertutup," kata Perdana Menteri pada persidangan berita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching sebelum berlepas balik ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata kerajaan menghormati keputusan itu yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S. Augustine Paul tetapi "pihak Anwar juga harus mematuhi".

"Nampak peguamnya (Anwar) menyekat kebebasan kita bersuara tetapi kita menghormati keputusan itu. Kalau hakim berkata jangan bercakap, kita tidak bercakap" katanya.

Beliau juga mempersoalkan mengapa peguam yang mewakili Anwar meminta supaya kebebasan bersuara disekat sedangkan mereka selalu bercakap tentang isu itu.

Perintah itu dikeluarkan selepas peguam utama Anwar, Raja Aziz Addruse mempersoalkan tindakan beberapa orang berjawatan tinggi yang menyatakan pendapat mereka secara terbuka mengenai tuduhan-tuduhan yang dihadapi oleh Anwar yang memberi gambaran bahawa dia memang bersalah.

Dr Mahathir berkata kerajaan mendapati mereka (pihak Anwar) telah bercakap dengan media asing yang berat sebelah dan memberi pendapat pihak "sebelah sana" sahaja.

"Media asing tak pernah langsung memberi pertimbangan kepada kita. Itu kehendak mereka," katanya.

Anwar yang dipecat pada 2 Sept lepas akan dibicarakan dari 2 hingga 14 Nov ini terhadap empat tuduhan rasuah. Beliau juga menghadapi lima tuduhan meliwat dan satu lagi tuduhan rasuah tetapi tarikh perbicaraannya belum ditetapkan.

Mengenai pelantikan timbalan perdana menteri baru, Dr Mahathir berkata keputusan itu terpulang kepada Majlis Tertinggi UMNO.

MT dijadual bermesyuarat di Kuala Lumpur malam ini.

-- BERNAMA

CJ OPP MAI